

KEPADA : SEMUA STAF UNIVERSITI SELANGOR

**DARIPADA : PROF. MADYA DR. HAMDAN BIN DATO' MOHD SALLEH
NAIB PRESIDEN & TIMBALAN NAIB CANSOLOR
PEMBANGUNAN PELAJAR DAN JARINGAN KOMUNITI**

TARIKH : 18 SEPTEMBER 2019

NO RUJUKAN : UNISEL/KKBJ/19/05(12) Jld.(1)

**PERKARA : MAKLUMAN HARI TERBUKA KOLEJ KEDIAMAN
UNISEL KAMPUS BESTARI JAYA**

Assalamualaikum w.b.t & Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa Kolej Kediaman Kampus Bestari Jaya dengan kerjasama Majlis Perwakilan Kolej (MPK) dan pelajar-pelajar kursus MPU di bawah seliaan Pusat Pengajian Asasi dan Umum (PADU) akan mengadakan Hari Terbuka Kolej Kediaman melibatkan pelbagai program dan aktiviti.

3. Pelbagai acara menarik telah dirancang bagi memastikan program ini mendapat sambutan yang meriah serta dapat memperkenalkan suasana kehidupan Kampus Bestari Jaya. Hari Terbuka ini juga memberi maklumat kepada ibu/bapa, pelajar-pelajar sekolah serta masyarakat sekeliling mengenai program akademik di UNISEL, seterusnya melihat sendiri perkhidmatan dan fasiliti yang terdapat di Kolej Kediaman UNISEL Kampus Bestari Jaya. Program Hari Terbuka turut diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik dan memenuhi minat semua golongan.

4. Sehubungan itu, bagi pihak universiti besar harapan saya agar semua staf dapat hadir bersama keluarga dan mewar-warkan program kepada seramai mungkin kenalan bagi menyertai acara Hari Terbuka Kolej Kediaman seperti butiran berikut :-

Tarikh : 28 – 29 September 2019 (Sabtu – Ahad)
Masa : 8.00 pagi – 10.00 malam
Tempat : Kolej Kediaman, UNISEL Kampus Bestari Jaya
Aktiviti / Program : Lampiran 1

5. Semoga kita semua mendapat keberkatan daripada Allah SWT dalam usaha ikhlas menjayakan program ini. **Selamat berjumpa di Hari Terbuka Kolej Kediaman.**

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

"PENERAJU TRANSFORMASI"

#HEPBUDIMANUNISEL



PROF. MADYA DR. HAMDAN BIN DATO' MOHD SALLEH
Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor
Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti
Universiti Selangor